

29/08/2001

258 pemandu MME mula berentap

PERLUMBAAN terbesar di Malaysia akan bermula hari ini dengan 258 pemandu memecut di Litar F1 Sepang untuk mencatat masa dalam sesi kelayakan Chaya Mata Sarawak Merdeka Millennium Endurance (MME) 2001.

Pemandu yang mewakili 86 kereta, tampil daripada pelbagai latar belakang termasuk bekas pemandu ujian Formula Satu, pemandu rali, kereta touring sehinggalah kepada pemimpin korporat dan peminat sukan motor, mahu menikmati pengalaman memandu di litar terbaik dunia itu.

Sesi kelayakan bermula jam 8 malam ini dengan setiap tiga pemandu bergilir-gilir memandu untuk mencatat masa terpantas mereka bagi memastikan tempat permulaan yang baik dalam perlumbaan sebenar dan bakal dilepaskan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli Ngah Talib pada tengah malam esok.

Perlumbaan itu diadakan sempena Hari Kebangsaan, akan tamat pada 12 tengahari esoknya dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan menyampaikan trofi kepada pemenang.

"Daripada 86 kereta, hanya 77 dibenarkan bertanding kerana mematuhi peraturan yang diluluskan oleh AAM. Pada acara sulung tahun lalu, sebanyak 55 kereta jadi semuanya memulakan perlumbaan," kata Pegawai Akhbar Sepang International Circuit, Azhar Ghazali.

Kereta yang bertanding dibahagikan kepada lima kategori dan persaingan bagi merebut hadiah keseluruhan dijangka berlaku dalam tiga kelas terbuka dan 12 kelas A membabitkan kereta berkuasa tinggi.

Kelas A adalah kategori terbuka dengan enjin standard melebihi 1850cc sambil kelas terbuka membenarkan sebarang bentuk pengubahsuaian dan enjin prototaip.

Kelas B pula ialah kereta dengan kuasa enjin di antara 1601cc hingga 1850cc, kelas C 1301cc hingga 1600cc dan kelas D ialah kereta berkuasa rendah iaitu 1000cc hingga 1300cc.

Selain hadiah trofi, Chaya Mata Sarawak Merdeka Millennium Endurance 2001 turut menawarkan wang tunai lebih RM100,000. Pemenang kelas A akan membawa pulang RM30,000.

Sambil itu, kereta Kelisa yang baru dilancarkan baru-baru ini akan turut mengambil bahagian.

Tiket bagi menyaksikan perlumbaan boleh diperolehi di TGV dan Jaya Jusco sekitar Lembah Klang serta di litar. Tiket juga boleh dibeli menerusi talian hotline 03-85262222 atau e-mel ticket@malaysiangp.com.my.

(END)